

Pasukan Khas siasat 1MDB tidak sah - Najib

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyatakan penubuhan pasukan khas bagi menyasat penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 2015 tidak mengikut undang-undang dan tidak sah.

Atas sebab itu, pasukan yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara (AGC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dibubarkan.

"Pasukan khas ditubuhkan dengan cara tidak betul. Pasukan khas itu tidak sah dari segi perkhidmatan. Pasukan khas dibubarkan sebab tak sah. Kuasa untuk pasukan khas bukan kuasa AG (Peguam Negara)," ujar Najib.

Tambahnya, bekas Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim ditukarkan bukan untuk menjejaskan siasatan agensi terbabit berhubung penyelewengan tersebut sebaliknya dibuat kerana bekas pegawai itu telah 'bersedia' untuk ditukarkan.

Beliau juga menafikan pelantikan bekas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Dzulkifli Ahmad bagi menggantikan Abu Kas-

sim sebagai Ketua Suruhanjaya SPRM bagi melindungi kepentingannya.

Selepas tidak meneruskan perkhidmatannya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, Abu Kassim telah dilantik sebagai anggota fakulti (pakar jemputan) International Anti-Corruption Academy, Austria, iaitu institusi pengajian anti-rasuah yang unggul di dunia di bawah tajaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Abu Kassim juga dilantik menjadi perunding di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pada prosiding sama, ketika ditanya oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, bekas Presiden UMNO itu menyatakan bukanlah perkara yang salah untuknya mengetahui status siasatan yang dijalankan terhadapnya sekitar 2015.

Ahmad Akram kemudian membacakan beberapa petikan transkrip perbualan di antara Najib dan Dzulkifli berkaitan dengan siasatan penyelewengan dana 1MDB.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah di Istana Kehakiman, Putrajaya bersambung hari ini.